

09 NOV 1996

Televisyen

USAHA SAMA MALAYSIA-GHANA DALAM PENYIARAN TV TERLAKSANA DALAM MASA SINGKAT

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA (Ghana), 9 Nov (Bernama) -- Perasmian pejabat Gama Media Systems Limited (GMS) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini lewat hari Jumaat menyaksikan usaha sama pertama Malaysia dan Ghana dalam bidang penyiaran televisyen, sinema dan pengeluaran audio menjadi kenyataan dalam masa tersingkat iaitu lima bulan.

Menteri Penerangan Ghana, Kofi Totobi Quakyi berkata kerajaannya semasa meluluskan projek itu mendapat inspirasi daripada usaha agresif Dr Mahathir memupuk kerjasama Selatan-Selatan.

"Kerajaan Ghana melihat usaha sama itu sebagai usaha penting untuk berhubung antara satu sama lain dan merapatkan hubungan antara penduduk kedua-dua negara," kata Quakyi di majlis perasmian itu di mana Dr Mahathir turut melancarkan logo syarikat usaha sama itu.

Quakyi berkata beliau hanya melakukan dua lawatan ke Kuala Lumpur dan juga dua lawatan oleh rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Mohamed Rahmat ke Accra bagi sebelum projek itu menjadi kenyataan.

TV3 atau Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB), pengendali stesen televisyen swasta pertama di Malaysia menguasai GMS menerusi Gama Media International (GMI), usaha sama pertama TV3 di luar negeri.

Pengarah Urusan TV3, Zahari Omar berkata usaha sama itu membuktikan dasar penswastaan kerajaan Malaysia telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan menjadi model kepada beberapa negara lain.

Malahan kewujudan TV3, yang kini berusia 12 tahun, adalah berikutan dasar yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir sejak awal 80an, kata Zahari.

Bagi operasinya di Ghana, GMI telah menubuhkan tiga syarikat iaitu TV3 Network Limited, yang akan membuka stesen tv swasta pertama di negara ini sebelum Jun tahun depan, Cable View Network Limited untuk mengendalikan stesen tv berbayar dan GMS sendiri untuk mengendalikan stesen radio FM ke seluruh negara Ghana.

Zahari berkata syarikatnya berhasrat menyumbang kepada pembangunan industri maklumat dan hiburan Ghana dan menjadikannya yang terbaik di Afrika Barat.

GMS dan kerajaan Ghana juga telah membentuk sebuah syarikat usaha sama membabitkan pelaburan AS\$2 juta (RM5 juta) untuk mengambil alih Perbadanan Industri Filem Ghana (GFIC), milik kerajaan Ghana. GMS akan memegang 70 peratus ekuiti syarikat itu manakala kerajaan Ghana, 30 peratus.

Zahari memberi jaminan kepada kerajaan Ghana bahawa syarikat baru itu, yang akan dikenali sebagai Gama Film Company, akan mengambil kesemua pekerja GFIC bekerja dengannya.-- BERNAMA

RN OBA